

SUARA LANTANG

MAHASISWA

» **Bebas mengkritik tetapi perlu realisme, tidak membuta tuli**

Oleh Nurul 'Aniqah Sazale
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Mahasiswa sering dilabelkan sebagai golongan cerdik pandai yang bakal menjadi pelapis barisan kepimpinan masa hadapan sekali

gus mengalas tanggungjawab meneruskan legasi kecemerlangan negara.

Namun mutakhir ini, tindakan segelintir mahasiswa yang secara lantang mengkritik isu politik dan semasa negara dilihat semakin membimbangkan, malah disifatkan tidak berhemah dan berat sebelah.

Di sebalik tindakan berani yang seolah-olah cuba menampakkan mereka peka dan memiliki minda tajam terhadap isu semasa, golongan sedemikian

hakikatnya telah menjejaskan tatasusila dan keperibadian tinggi seorang mahasiswa yang sebenar.

Sekalipun mereka bebas bersuara, persoalannya ialah apakah tindakan mengkritik kerajaan secara lantang di media sosial merupakan kaedah terbaik bagi menyampaikan pendapat atau sekadar berlagak sebagai 'hero'?

Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM),

Mohamad Syazrul Yahya, 23, berkata setiap mahasiswa perlu rasional dan menggunakan kebijaksanaan minda apabila ingin bersuara dan meluahkan pandangan bagi mengelakkan timbul sebarang ketegangan atau kekecohan.

"Kita tidak boleh bertindak secara meluru tanpa berfikir panjang dengan bebas meluahkan apa yang dirasakan tidak betul kerana buruk akibatnya nanti. ● V2